

## **Kesedaran Tanggungjawab Pengundi Terhadap Penglibatan Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan DUN Pelangai, Bentong, Pahang**

*Awareness of Voters' Responsibility to Participation in Elections: A Case Study in State Legislative  
Assembly Area of Pelangai, Bentong, Pahang*

Nor Famieza Natasha Kamarolzaman  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: [1jab@ukm.edu.my](mailto:1jab@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap pilihan raya amat penting bagi menentukan kepimpinan cekap, amanah, dan telus yang boleh menjadi penentu masa depan negara. Di Malaysia, masyarakat bebas untuk memilih ahli Dewan Rakyat serta ahli Dewan Undangan Negeri melalui pilihan raya yang dilaksanakan sama ada Pilihan Raya Kecil (PRK) atau Pilihan Raya Umum (PRU). Penyertaan politik daripada masyarakat juga seperti berkempen, menjadi ahli politik, memasang bendera, mendengar ceramah dan memberi ceramah merupakan hal sinonim yang sering dilaksanakan ketika pilihan raya. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap penglibatan dalam pilihan raya dengan kajian kes di kawasan DUN Pelangai, Bentong, Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan sumber sekunder. Penganalisan data dilakukan melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 27. Hasil kajian mendapati bahawa 90 peratus responden berpartisipasi dalam politik yang paling dominan dengan mengundi parti politik. Seterusnya, 56 peratus responden menganggap sistem pendidikan negara banyak membantu meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya dan 42 peratus mempunyai minat yang mendalam mengenai politik. Di samping itu, responden menyatakan bahawa faktor paling utama sokongan pengundi kepada Perikatan Nasional (PN) adalah kerana kepimpinan PN yang bersih iaitu sebanyak 28 peratus. Seterusnya faktor utama pengundi yang menyokong Pakatan Harapan (PH) pula adalah kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebanyak 48 peratus manakala faktor berpengalaman dalam pentadbiran negara sebanyak 56 peratus adalah faktor utama pengundi memilih Barisan Nasional (BN). Kesimpulannya, kajian ini merupakan sebuah kajian berilmiah yang penting untuk ilmu pengetahuan, menambahkan data baru dalam politik pilihan raya, strategi pelaksanaan dasar, rujukan pengkaji akan datang serta bahan bacaan untuk masyarakat supaya mereka sedar akan kepentingan penglibatan dalam pilihan raya.*

**Kata kunci:** kesedaran, tanggungjawab, parti politik, pengundi, pilihan politik

### **ABSTRACT**

*Voters' awareness of their responsibility towards elections is very important to determine efficient, trustworthy, and transparent leadership that can determine the future of the country. In Malaysia, the public is free to elect members of the Dewan Rakyat and the State Legislative Assembly through elections held either by-elections or General Elections (GE). Political participation from the community, such as campaigning, becoming a politician, putting up flags, listening to lectures and giving lectures are synonyms that are often carried out*

during elections. Therefore, it is the purpose of writing this paper work to analyze voter's awareness of responsibility for participation in elections with a case study in State Legislative Assembly area of Pelangai, Bentong, Pahang. This study uses field data collection methods that involve questionnaires, interviews, observations in the field and references to secondary sources. Data analysis is done through software the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27. The results of the study found that 90 percent of respondents participated in the most dominant politics by voting for political parties. Next, 56 percent of respondents think that the national education system helps a lot to increase awareness of the importance of elections and 42 percent have a deep interest in politics. In addition, respondents stated that the most important factor in voter support for Perikatan Nasional (PN) is because of the clean PN leadership, which is 28 percent. Next, the main factor for voters who support Pakatan Harapan (PH) is the leadership of Datuk Seri Anwar Ibrahim as much as 48 percent while the experience factor in national administration as much as 56 percent is the main factor for voters to choose Barisan Nasional (BN). In conclusion, this study is a scholarly study that is important for science, adding new data in election politics, policy implementation strategies, references for future researchers as well as reading materials for the public so that they are aware of the importance of involvement in elections.

**Keywords:** awareness, responsibility, political parties, voters, political choice

## 1. Pengenalan

Kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap pilihan raya amat penting bagi menentukan kepimpinan cekap, amanah, dan telus yang boleh menjadi penentu masa depan negara. Di Malaysia, masyarakat bebas untuk memilih ahli Dewan Rakyat serta Dewan Undangan Negeri melalui pilihan raya yang dilaksanakan sama ada Pilihan Raya Kecil (PRK) atau Pilihan Raya Umum (PRU). PRU dilaksanakan apabila parlimen dibubarkan atau terbubar sendiri apabila mencapai tempoh 5 tahun manakala PRK dilaksanakan untuk mengisi kekosongan kerusi di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) disebabkan kematian, hilang kelayakan, perletakan jawatan dan pembatalan keputusan pilihan raya oleh Mahkamah Pilihan Raya.

Oleh itu, masyarakat bertanggungjawab untuk keluar mengundi bagi memilih calon yang bertanding bagi mengisi kekosongan tersebut. Penyertaan politik daripada masyarakat juga seperti berkempen, menjadi ahli politik, memasang bendera, mendengar ceramah dan memberi ceramah merupakan hal sinonim yang sering dilaksanakan ketika pilihan raya. Justeru segala bentuk penglibatan mereka dalam pilihan raya sekurang-kurangnya dapat mencerminkan bahawa hak dan tanggungjawab mengundi itu adalah penting sebagai warganegara Malaysia. Penyelidikan yang akan dijalankan ini merupakan satu kajian tahap kesedaran tanggungjawab pengundi yang akan dilihat daripada pelbagai aspek dengan lebih teliti. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap penglibatan dalam pilihan raya di kawasan DUN Pelangai, Bentong, Pahang yang akan menjelaskan ruang lingkup kajian agar dapat memandu kajian ini bagi memenuhi tiga objektif khusus kajian yang telah digariskan.

## 2. Sorotan literatur

Kajian lepas daripada buku, jurnal, tesis, laporan, akhbar, prosiding dan juga kajian terkini yang pernah dikaji oleh pengkaji sebelumnya digunakan bagi ulasan literatur. Kesemua sumber ini merupakan kajian ilmiah yang kritis untuk menjawab permasalahan kajian mengikut isu tertentu. Umumnya terdapat banyak kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji luar negara dan dalam negara mengenai politik pilihan raya untuk bahan bacaan kepada pelbagai pihak. Justeru, bahagian ini akan

menjelaskan kajian lepas berkaitan politik pilihan raya luar negara, dalam negara dan di negeri kajian iaitu Pahang.

Untuk kajian politik pilihan raya luar negara, John (1997) dalam kajian pilihan raya British mencadangkan bahawa heterogeniti adalah ciri penting tetapi sebahagian besarnya diabaikan dalam tingkah laku pengundian. Keputusan yang digariskan jelas menunjukkan bahawa pengundi kelihatan berbeza dalam keupayaan mereka untuk mengintegrasikan 34 sikap ke dalam sejenis 'sistem kepercayaan'. Pengundi yang sedar politik nampaknya mempunyai set sikap yang paling konsisten. Moamenla (2009) pula mendapati majoriti wanita mempunyai kesedaran sederhana tentang politik. Tahap kesedaran politik mereka diambil kira oleh tahap minat mereka dalam politik, corak penggunaan media dan kekerapan perbincangan politik. Kajian Hilmy (2014) di Kabupaten Jombang menegaskan bahawa konteks institusi politik tempatan dan sosial sebagai pelaku yang mempunyai peranan penting dalam mengubah tingkah laku. Perubahan pola penyertaan masyarakat yang tidak sepenuhnya bergantung pada peraturan telah dibuat oleh rakyat, badan perwakilan atau pemimpin politik daerah tetapi berdasarkan isu tertentu. Qorri (2018) berpendapat tingkah laku pengundian di Kosovo tidak banyak berbeza kerana tindakan pembuangan undi yang berbeza antara individu dalam masyarakat ialah ideologi, identiti sosial, jantina, emosi dan keluarga. Rakyat akan memberi undi kepada calon yang berkaliber. Kajian politik luar negara oleh Hilal dan Aytolan (2020) juga menjalankan skala kesedaran politik 44 item mengukur kesedaran politik daripada jururawat. Hasil kajian menunjukkan bahawa skala adalah sah dan boleh dipercayai secara statistik.

Bagi kajian politik dalam negara, Junaidi et al. (2014) mendapati bahawa 'tsunami politik bandar' berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR). Muhammad Zaini & Novel (2021) mengartikulasikan bahawa propaganda yang dimainkan oleh media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya pendirian politik pengundi ketika hari pegundian. Pauline (2015) dalam kajiannya mendapati bahawa Barisan Nasional (BN) berjaya menggunakan media untuk mengekalkan kuasanya sejak 57 tahun lalu menjadikannya kerajaan yang paling lama berkhidmat di dunia yang masih memegang jawatan. Hasil mendapati peranan media terutamanya Web 2.0 telah meluaskan ruang awam dan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam proses demokrasi. Seterusnya dapat dilihat kajian Kausar, Muzaffar dan Najam (2019) menjelaskan bahawa parti politik memainkan peranan penting mereka dalam demokrasi untuk mencapai matlamat asas dan matlamat pembangunan politik serta parti politik mengukuhkan demokrasi. Parti politik mementingkan pendapat umum kerana tanpa penyertaan awam demokrasi tidak boleh berkembang di mana-mana negara. Junaidi (2022a) menyatakan bahawa orang ramai di kawasan luar bandar, khususnya pengundi atas pagar sudah pasti tertarik disebabkan mereka lebih melihat kepada pengalaman dan sumbangan dilaksanakan calon, selain lebih memilih pemimpin calon tempatan.

Kajian politik pilihan raya di negeri Pahang iaitu di DUN Pelangai sendiri oleh Nurul Izzatie (2019) mendapati bahawa pengundi di kawasan tersebut lebih dominan dalam menyokong parti politik yang sudah lama memegang pemerintahan iaitu Barisan Nasional. Nurul dan Ilyas (2014) mengkaji peneroka FELDA lebih suka mengundi parti pemerintah sebagai satu rasa setinggi-tinggi penghargaan bagi merakamkan penghargaan atas sumbangan kerajaan. Kajian itu mendapati Dato' Najib bukanlah faktor utama untuk mereka mengundi dalam pilihan raya. Junaidi et al. (2015) menyatakan bahawa bagi keadaan di Parlimen Rompin, pengundinya lebih mendahagakan perkembangan pembangunan kerana kebanyakan pengundi di Parlimen Rompin merupakan penduduk FELDA iaitu FELDA Keratong 1-5. Parlimen Rompin merupakan kubu kuat bagi BN/UMNO. Hal ini sama dengan kajian di Cameron oleh Kumar (2019) di mana pengundi memilih untuk mengundi Barisan Nasional berbanding Pakatan Harapan. Seterusnya, Othman (2004)

mendapati bahawa secara keseluruhannya, penglibatan Orang Asli dalam politik adalah memuaskan. Penglibatan mereka dalam proses pilihan raya iaitu mengundi adalah agak tinggi.

### **3. Metodologi**

#### **3.1 Kaedah pengumpulan data**

Bagi menyempurnakan penyelidikan ini, dua jenis sumber data iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder telah digunakan. Sumber data primer ialah sumber maklumat yang diperolehi melalui kajian lapangan. Sumber ini adalah terhad. Oleh hal yang demikian, penggunaan sumber data sekunder sangat penting untuk menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan yang diperolehi daripada data primer. Bagi kaedah pengumpulan data primer, satu set borang soal selidik telah diedarkan iaitu secara atas talian dan bersemuka dengan pergi ke setiap rumah penduduk di kawasan daerah mengundi yang dipilih iaitu Simpang Pelangai (luar bandar) dan Manchis (bandar/pekan). Borang soal selidik ini mengandungi soalan berbentuk terbuka dan tertutup.

Seterusnya, kaedah temu bual yang telah dilakukan bertujuan untuk memperoleh maklumat berkaitan pandangan, personaliti, tingkah laku atau sikap individu mengenai penglibatan pengundi dalam pilihan raya. Informan yang ditemu bual dalam kajian ini mewakili ahli parti politik yang berjawatan dalam berlainan parti bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai politik semasa. Kaedah ini sesuai digunakan kerana ianya akan menjadi antara sumber utama (sumber primer) untuk menghasilkan kajian lengkap berkaitan kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap penglibatan dalam pilihan raya di kawasan DUN Pelangai, Bentong, Pahang.

Pemerhatian di lapangan juga dijalankan pengkaji kerana kaedah ini merupakan salah satu kajian kualitatif. Kaedah ini salah satu alternatif bagi mendapatkan maklumat selain daripada soal selidik dan temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti tingkah laku pengundi di DUN Pelangai dan melihat pelbagai ragam mereka. Setiap pemerhatian yang dibuat mempunyai tujuan tertentu dan pemerhatian dilakukan dengan sistematik. Biasanya ciri yang diperhati adalah sangat terperinci bagi mendapatkan keputusan yang tepat. Dengan itu cacatan dan bukti yang tepat serta sah direkodkan untuk digunakan dalam hasil kajian.

Di samping itu, data sekunder iaitu buku ilmiah, majalah, artikel jurnal, makalah dalam akhbar, risalah, kertas seminar dan persidangan serta laporan penyelidikan digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai kesedaran tingkah laku pengundi. Bukan itu sahaja, pengkaji juga pergi ke Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) bagi mendapatkan sumber rujukan dengan lebih banyak. Bahan seperti tesis dan latihan ilmiah pengkaji terdahulu juga digunakan pengkaji.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga turut menggunakan bahan kajian atas talian (online) bagi mendapatkan maklumat tambahan. Sumber maklumat ini diambil daripada internet yang sah dan boleh dipercayai sebagai pelengkap buat sumber primer. Antara contoh kajian atas talian adalah seperti laman web, akhbar online, Whatsapp, Youtube, Facebook, Twitter, Instagram, Blog dan sebagainya. Kaedah kajian atas talian ini sememangnya memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dengan pantas.


#### **3.2 Analisis data**

Metod analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Data hasil kaedah kualitatif pula akan dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan direkod oleh penyelidik secara bertulis, menggunakan rakaman dan video. Data akan ditranskrip mengikut informan yang memberikan respon semasa temu bual

dilakukan. Maklumat sekunder pula digunakan untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya mencapai standard kajian.

### 3.3 Kawasan kajian

Dalam menjalankan kajian yang lebih terperinci, ianya memerlukan satu kawasan kajian untuk dirujuk. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan di Pelangai yang merupakan DUN dalam Parlimen Bentong, Pahang, Malaysia dan mempunyai keluasan kira-kira 56,682 hektar. Pelangai dengan latitud ( $3^{\circ}14'24''N$ ) dan longitud ( $102^{\circ}13'3''E$ ) mempunyai sembilan daerah mengundi di dalam DUN Pelangai ini. Antaranya ialah FELDA Sungai Kemasul, FELDA Chemomoi, FELDA Sungai Kemahal, Jawi-Jawi, Simpang Pelangai, Manchis, Sungai Gapoi, Telemong dan Sungai Perdak (Lihat Rajah 1). DUN Pelangai berkeluasan 649 km persegi dan mempunyai jumlah pengundi 16,386 orang sehingga PRU-15 (2022). Dari segi komposisi etnik, di DUN Pelangai terdapat 72.09 peratus etnik Melayu, 18.22 peratus etnik Cina, 5.73 peratus etnik India, Orang Asli 3.31 peratus dan 1.04 peratus etnik lain.



RAJAH 1: Peta Kawasan DUN (N.36) Pelangai, Bentong, Pahang

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2022

Asal-usul nama Simpang Pelangai ini tercipta berasaskan kedudukan kampung yang terletak di simpang dan berdekatan dengan Sungai Pelangai. Oleh hal yang demikian, orang kampung pada ketika itu telah bersetuju untuk menamakan Kampung Simpang Pelangai. Pada tahun 1930-an bangunan Mukim Penghulu dan pejabat Jabatan Perhutanan mula dibina serta sekolah Melayu yang dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Simpang Pelangai dibina selepas lima tahun berikutnya.

Setelah melebihi 90 tahun kampung ini dibuka, pelbagai perubahan yang telah berlaku. Antaranya ialah ketika dahulu 20 penduduk setempat menggunakan jalan penarik untuk menarik kayu balak ke dalam kampung dan sampan sebagai alat penghubung namun kini perhubungan semakin meluas kerana adanya infrastruktur yang baik dan meluas seperti jalan raya berturap serta sistem pengangkutan yang sistematik.

Keadaan geografi di sini adalah mempunyai suhu dan iklim sederhana. Bentuk muka buminya adalah tanah pamah dan berbukit. Kawasan Pelangai mempunyai ladang kelapa sawit, ladang durian dan ladang getah. Ekonomi pertanian juga giat dilaksanakan di kawasan Pelangai iaitu fertigasi cili, timun, terung dan banyak lagi. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penduduk di Pelangai masih melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi primer. Kebanyakan penduduk di sini bekerja sebagai petani, penoreh getah, peniaga gerai kecil dan hanya terdapat segelintir sahaja bekerja dalam sektor ekonomi tertier.

Justeru, kajian ini dijalankan di DUN Pelangai kerana ingin melihat sendiri tahap kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap penglibatan dalam pilihan raya. Kawasan ini dipilih kerana ia merupakan tempat tinggal pengkaji. Hal ini akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data primer daripada responden. Seterusnya pada PRU-15 (2022), seramai 16,371 pemilih berdaftar dan 16,339 pengundi biasa yang mengambil bahagian dalam pilihan raya ini. Johari Harun (Barisan Nasional/UMNO) telah memenangi kerusi DUN Pelangai dengan majoriti 4,048 undi. Johari memperoleh 7,308 undi dengan menewaskan Cikgu Kasim Samat (Perikatan Nasional/PAS) yang memperoleh 3,260 undi, Ahmed Wafiuddin Shamsuri (Pakatan Harapan/AMANAH) mendapat 2,031 undi serta Isa Ahmad (Parti Pejuang Tanah Air/GTA/Putra) yang telah hilang deposit dengan memperoleh 65 undian sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa DUN Pelangai masih dimenangi oleh parti politik BN sejak PRU 1959 lagi hingga sekarang (PRU 2022).

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus untuk kajian 'Kesedaran Tanggungjawab Pengundi Terhadap Penglibatan Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan DUN Pelangai, Bentong, Pahang'. Tiga objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk melihat tahap penglibatan pengundi dalam pilihan raya, mengkaji faktor kesedaran pengundi terhadap kepentingan pilihan raya serta menganalisis pilihan politik responden. Justeru, hasil yang diperoleh daripada soal selidik dan temu bual ini dapat mengukuhkan dapatan kajian.

##### 4.1 *Jenis Partisipasi Dalam Politik Pilihan Raya*

Partisipasi politik adalah penyertaan masyarakat secara aktif dalam politik tidak mengira apa-apa kegiatan bagi menyampaikan hak bersuara kepada pemerintah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menurut Azmah dan Samsudin (2013), penyertaan pendapat merupakan hak dan tanggungjawab setiap individu dalam sesebuah negara yang demokrasi. Penglibatan pengundi di kawasan DUN Pelangai boleh dilihat dalam beberapa cara mereka berpartisipasi berdasarkan minat, keahlian dan kesanggupan meluangkan masa serta tenaga kepada parti politik.

JADUAL 1: Cara partisipasi dalam politik pilihan raya (peratus)

Bil	Jenis partisipasi dalam politik	Ya	Tidak
1.	Mengundi parti politik	90	10
2.	Mendengar ceramah politik	66	34
3.	Berkempen untuk parti politik	22	78

4.	Menjadi ahli parti politik	14	86
5.	Menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik SPR	12	88
6.	Menjadi pekerja parti politik	10	90
7.	Memberi ceramah politik	10	90
8.	Menjadi Pegawai seperti Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Ketua Saluran Mengundi dan sebagainya di tempat mengundi yang dilantik SPR	10	90
9.	Menjadi Polling Agents/Ejen Mengundi (PA)	6	94
10.	Menjadi Counting Agents/Ejen Pengira (CA)	6	94
11.	Menjadi Barong Agents/Ejen Barong (BA)	6	94
12.	Menyertai hari penamaan calon	6	94
13.	Membiyai/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	4	96

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 1 menunjukkan ‘cara partisipasi dalam politik pilihan raya’ di kawasan DUN Pelangai. Berdasarkan hasil dapatan kajian, jenis partisipasi yang paling tinggi mengikut responden adalah ‘mengundi parti politik’ iaitu sebanyak 90 peratus. Hal ini kerana pengundi merasakan mengundi adalah satu tanggungjawab dan akan turun mengundi parti politik pilihan mereka pada hari pilihan raya. Sebagai bukti yang dapat dilihat daripada helaian mata *score sheet* menunjukkan bahawa sebanyak 2,493 jumlah undi oleh pemilih daripada 2,521 jumlah kertas undi yang patut berada di dalam peti undi di dua pusat mengundi iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pelangai dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Manchis. Hal ini jelas menunjukkan bahawa 98 peratus pengundi yang telah didaftarkan nama di dua buah pusat mengundi turun mengundi pada hari pilihan raya tersebut. Mengundi parti politik sangat penting kerana ia merupakan penentu kepada kemenangan calon setiap parti politik.

Seterusnya, responden bersetuju bahawa ‘mendengar ceramah politik’ iaitu sebanyak 66 peratus merupakan cara mereka partisipasi dalam politik pilihan raya. Hal ini kerana tujuan ceramah diadakan semasa tempoh pilihan raya adalah untuk meraih sokongan sekali gus pengundi dapat mengetahui isu politik semasa tidak kira mengenai pembangunan, kebajikan rakyat, pendidikan, agama dan sebagainya. Dapatan ini disokong dengan kajian oleh Abdullah, Roslan dan Mohd Amirul (2008) yang menyatakan bahawa ceramah dilihat sebagai faktor penting yang boleh membuat para pengundi menimbang sama ada untuk menyokong atau menolak sesebuah parti. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ceramah boleh memberi gambaran jelas kepada pengundi menilai isu politik dari sudut negatif dan positif.

Akhir sekali, dapatan kajian mendapati sebanyak 22 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘berkempen untuk parti politik’. Hal ini dikatakan kerana tempoh yang diberikan selama 14 hari dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi mendapatkan perhatian dan sokongan pengundi. Misalnya, pelbagai bentuk kempen yang telah dilaksanakan di kawasan DUN Pelangai iaitu dengan adanya bendera parti di sepanjang jalan, risalah mengenai calon, perarakan kenderaan oleh penyokong parti politik, jamuan hidangan di markas parti politik, bayaran suguhati untuk pengundi yang tinggal di luar kawasan dan pengundi baru untuk pulang mengundi, projek penyelenggaraan jalan raya, program kemasyarakatan dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan siapa sahaja yang melibatkan diri dalam kempen parti politik mempunyai kesedaran tentang pentingnya berpolitik.

## 4.2 *Keahlian Parti Politik*

Berdasarkan kepada Jadual 2 yang menunjukkan keahlian parti politik di DUN Pelangai, sebanyak 72 peratus responden yang mengisi soal selidik ini tidak menyertai sebarang parti politik. Hal ini dikatakan kerana kebanyakan responden merupakan pelajar dan kakitangan kerajaan. Umum mengetahui bahawa kakitangan kerajaan tidak boleh memegang sebarang jawatan dalam mana-mana parti politik. Pengarah Perkhidmatan Awam pernah menyatakan bahawa larangan penjawat awam terlibat dalam politik namun bagi menghormati hak asasi manusia, penjawat awam boleh terlibat asalkan tidak memegang jawatan atau bertanding dalam sebarang jawatan (Astro Awani 2020).

Seterusnya, hasil kajian mendapati sebanyak 18 peratus responden menjadi ahli dalam parti politik UMNO. Parti politik ini tidak asing lagi di kawasan DUN Pelangai kerana kawasan kajian ini sendiri didominasi sebagai tampuk kepada parti politik BN memerintah sejak dahulu lagi. Jadi secara logiknya responden yang menjadi ahli UMNO sebenarnya merupakan ahli yang setia kepada parti tersebut. Mereka yakin bahawa parti politik ini mampu memberi kesenangan dan tidak mangabaikan rakyat ketika susah.

JADUAL 2: Keahlian parti politik (peratus)

Bil.	Parti politik	Ya	Bil.	Parti politik	Ya
1.	Tidak menyertai sebarang parti politik	72	8.	PUTRA	0
2.	UMNO	18	9.	PAS	0
3.	PEJUANG	4	10.	DAP	0
4.	GERAKAN	2	11.	BERSATU	0
5.	Lain-lain	2	12.	MIC	0
6.	MCA	2	13.	AMANAH	0
7.	PKR	0			

Sumber: Soal selidik 2023

Di samping itu, sebanyak 4 peratus responden yang menjadi ahli parti politik PEJUANG. Peratus yang didapati menunjukkan bahawa ahli parti PEJUANG tidak ramai. Hal ini disebabkan oleh PEJUANG boleh dikatakan parti yang baru ditubuhkan iaitu pada 12 Ogos 2020. Keahlian parti PEJUANG di DUN Pelangai nampaknya tidak mendapat sambutan yang baik. Impaknya semasa pilihan raya, calon dalam parti ini hilang deposit kerana kekurangan sokongan daripada pengundi.

## 4.3 *Turun Mengundi Pada PRU-15 (2022)*

Semasa PRU-14 dan PRU-15, senario politik berlaku di Malaysia pula telah menjadi isu semasa yang menarik minat masyarakat kerana adanya persaingan sengit antara parti yang bertanding. Sebelum PRU-15, Perdana Menteri ke-9 iaitu Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob telah membubarkan parlimen bagi membuka laluan kepada pelaksanaan PRU-15 kerana beliau mahu menghentikan spekulasi mengenai kerajaan pimpinannya. "Mandat akan dikembalikan kepada rakyat" yang dikatakan Perdana Menteri merupakan permulaan kepada PRU-15. Justeru bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam, soalan 'adakah anda mengundi dalam PRU-15 (2022)' disertakan dalam borang soal selidik bagi meninjau berapa banyak responden yang turun mengundi semasa pilihan raya di kawasan DUN Pelangai.

Berdasarkan dapatan daripada analisis soal selidik, sebanyak 98 peratus responden turun mengundi pada 19 November 2022 lalu. Hal ini kerana pada PRU-14, ketidakstabilan politik yang dirasakan oleh rakyat memberi kesan yang buruk kepada mereka dan negara. Buktinya sebelum berlakunya pembubaran parlimen, sebanyak tiga kali penukaran Perdana Menteri dalam satu penggal yang membawa kepada kemerosotan ekonomi ekoran penularan wabak COVID-19 juga. Pada ketika




itu, rakyat hilang sumber pendapatan, kualiti hidup semakin rendah kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan rakyat tidak boleh bekerja. Ketidakstabilan negara menyebabkan pengundi serik dan harus turun mengundi supaya dapat memilih pemimpin yang boleh memulihkan ekonomi negara tanpa mengabaikan kebajikan rakyat.

Bukan itu sahaja, dapat dilihat bahawa jumlah pengundi yang mengisi borang soal selidik ini terdiri daripada golongan muda iaitu antara umur 18-39. Hal ini disokong dengan kenyataan dalam sebuah akhbar iaitu menurut data SPR, pengundi muda dari umur 18-29 tahun adalah sebanyak 6,007,978 iaitu merangkumi 28.6 peratus daripada pengundi berdaftar. Asas pengundi layak negara meningkat hampir 50 peratus untuk PRU15 berbanding hampir 15 juta pada PRU14 (Harakah 2022). Ini kerana golongan belia berumur 18 tahun layak mengundi buat kali pertama menjadi sejarah dalam politik di Malaysia.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa hanya 2 peratus sahaja yang tidak turun mengundi dalam PRU-15 (2022). Hal ini dikatakan kerana kemungkinan besar pengundi tidak berminat mengambil bahagian dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan politik walaupun nama mereka sudah didaftarkan secara automatik. Segelintir golongan ini tidak berminat untuk masuk campur dan membiarkan sahaja mana-mana parti politik yang layak memerintah berdasarkan sokongan majoriti. Namun begitu, apa yang boleh ditekankan adalah kita sebagai rakyat mestilah turun mengundi bagi memilih pemimpin yang boleh menentukan masa depan kita dan negara.

#### 4.4 *Sebab Pilihan Raya Penting Kepada Rakyat di Negara Ini*

Pilihan Raya Umum dilaksanakan apabila parlimen dibubarkan atau terbubar sendiri apabila mencapai tempoh 5 tahun. Pilihan raya penting kepada rakyat di negara ini kerana pilihan raya merupakan satu cara untuk memilih pemimpin yang boleh memerintah negara dengan baik. Pilihan raya sememangnya menjadi satu kewajipan dalam negara demokrasi kerana ia merupakan hak rakyat kepada negara. Justeru terdapat beberapa sebab pilihan raya penting bagi responden di kawasan DUN Pelangai.



RAJAH 2: Sebab Pilihan Raya Penting Kepada Rakyat di Negara Ini (peratus)

Sumber: Soal selidik 2023

Rajah 2 menunjukkan hasil kajian bagi pernyataan ‘Sebab pilihan raya penting kepada rakyat di negara ini’. Seramai 38 peratus responden bersetuju bahawa ‘Kestabilan dan keamanan’ penting kerana dapat menarik pelabur asing ke Malaysia. Hal ini disebabkan pelabur asing akan lebih yakin jika negara kita aman dan tidak adanya pergolakan politik. Oleh itu, bagi membentuk sesebuah kerajaan, pemerintahlah yang memainkan peranan penting bagi menstabilkan negara dan mempromosikan kelebihan Malaysia ke pelabur luar. Misalnya Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) juga telah mewujudkan laman web Invest Pahang dengan memperkenalkan “Location Centric Approach” sebagai usaha mempromosikan peluang pelaburan di Pahang (Astro Awani 2023).

Seterusnya, hasil dapatan mendapati seramai 28 peratus responden bersetuju bahawa ‘Demi agama, bangsa dan negara’ sebab pilihan raya penting di negara ini. Hal ini dikatakan kerana negara Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Jadi bagi mengelakkan masalah atau isu berbangkit mengenai sensitiviti pelbagai kaum, rakyat mestilah memilih pemerintah yang tidak berat sebelah dan menyentuh isu agama sesuka hati supaya peristiwa berdarah 13 Mei 1969 tidak terulang kembali. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden di DUN Pelangai menitikberatkan isu bangsa dan agama ketika memilih wakil rakyat semasa pilihan raya.

Akhir sekali, sebanyak 24 peratus responden menganggap pilihan raya penting sebagai ‘Tanggungjawab’ kerana mereka merupakan rakyat yang tinggal di negara ini. Bagi mereka pembentukan sesebuah kerajaan bergantung kepada mandat yang diberikan kepada rakyat. Rasa tanggungjawab memilih ketua negara yang mampu melaksanakan kerja dengan baik, menukar kerajaan yang banyak korup, dan sebagainya penting demi masa depan rakyat sendiri.

Menurut Encik Ahmed Wafiuddin Shamsuri (Pegawai Khas Ahli Parlimen Bentong), beliau menyatakan bahawa:

“Pilihan raya ni sangat penting dan perlu. Satu dunia pun ada pilihan raya kecuali negara-negara yang tidak ada sistem demokrasi. Demokrasi ni sangat penting untuk kita *check and balance* macam kita ada orang yang melawan, ada pembangkang, kerajaan dan kita tak boleh ada seorang pemimpin yang berkuasa mutlak yang menentukan segalanya. Jadinya pilihan raya ini sangat penting untuk rakyat sendiri membuat pilihan kerana pemimpin tidak akan kekal. Kalau kita tengok negara yang tidak menggunakan sistem demokrasi, pemimpin boleh buat apa sahaja, rakyat tiada pilihan dan pemimpin tidak takut sebab tiada perlawanan. Jadinya kalau ada pilihan raya, pembangkang baik dan kerajaan baik. Mereka berlumba-lumba membuat kebaikan supaya kekal”

(Encik Ahmed Wafiuddin Shamsuri 20 Mac 2023)

Menurut Encik Muhammad Fikri Abdullah (Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Bentong), beliau menyatakan bahawa:

“Ya bersetuju kerana lihat di DUN Pelangai sendiri, penduduk dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pengundi maka adanya pemimpin yang dilantik oleh masyarakat setempat. Ini mungkin dipanggil *the process* di mana kita *transfer* kita punya *task* untuk pemimpin tersebut bekerja untuk rakyat”

(Encik Muhammad Fikri Abdullah 24 Mac 2023)

#### 4.5 *Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya”*

Pilihan raya sememangnya penting demi masa depan rakyat dan negara. Namun begitu kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya bergantung kepada pelbagai pihak bagi menyedarkan masyarakat. Kesedaran amat penting bagi menjadikan diri sebagai pengundi yang bijak. Jadual 3 menunjukkan pendapat umum mengenai pernyataan ‘Kesedaran terhadap pilihan raya’. Hasil kajian mencatatkan sebanyak 56 peratus responden bersetuju dengan pendapat ‘Sistem pendidikan negara banyak membantu meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya’. Ini disebabkan sistem pendidikan negara banyak memberikan pendidikan awal tentang demokrasi dan proses pilihan raya kepada pelajar. Dapatan ini selari dengan dapatan Junaidi dan Khairunisa (2020) yang menyatakan pendidikan sekolah atau universiti mempromosikan pemahaman tentang demokrasi dengan baik sebanyak 63 peratus bersetuju. Hal ini jelas menunjukkan peranan institusi dan media sangat penting bagi mewujudkan komunikasi untuk mencari ruang menyebarkan dan bertukar pandangan dengan masyarakat bagi meningkatkan kefahaman politik.

JADUAL 3: Pendapat umum mengenai pernyataan “Kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya” (Peratus)

Bil.	Kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Sistem pendidikan negara banyak membantu meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pilihan raya	56	24	20
2.	Saya mempunyai minat yang mendalam mengenai politik.	42	30	28
3.	Faktor politik luar negara membuatkan saya minat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai politik pilihan raya.	28	42	30
4.	Saya mengundi berdasarkan pilihan parti politik yang disokong keluarga	16	72	12
5.	Pengaruh rakan sebaya membuatkan saya memilih parti politik tersebut	8	80	12


Sumber: Soal selidik 2023

Seterusnya, pernyataan ‘Saya mempunyai minat yang mendalam mengenai politik’ mendapat peratus kedua tertinggi iaitu 42 peratus bersetuju. Hal ini dikatakan kerana responden di kawasan kajian nampaknya mempunyai minat kerana banyak melibatkan diri terutamanya ketika tempoh berkempen semasa PRU-15. Mengikut pemerhatian pengkaji, penduduk yang melibatkan diri dalam pilihan raya di kawasan DUN Pelangai bukan sahaja terdiri daripada golongan tua malah remaja juga. Remaja di kawasan kajian nampaknya menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh parti-parti politik seperti konvoi motor sekeliling kampung.

#### 4.6 *Pihak yang Sesuai Mewakili Kerusi DUN (Negeri)*

Rajah 3 menunjukkan ‘Pihak yang sesuai mewakili kerusi DUN (Negeri)’ berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan. Hasil kajian mendapati BN merupakan parti yang paling banyak disokong oleh responden iaitu sebanyak 56 peratus. Hal ini dikatakan kerana Negeri Pahang dominan dengan pengundinya Melayu-Islam. Pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar masih menyokong BN. Tambahan pula, imej Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dikatakan bersih dan berkarisma juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kelangsungan BN di Pahang. Ini disandarkan atas beberapa aspek seperti tadbir urus yang baik di Pahang, kerancangan pembangunan, keseimbangan faedah ekonomi diterima rakyat mampu menjadi faktor pengukuh pengaruh BN (Berita Harian 2022).

Namun begitu kewujudan PN yang merupakan parti berteraskan Melayu-Islam juga menjadi persaingan kepada BN. Dengan itu, hasil kajian mendapati sebanyak 30 peratus responden memilih PN sebagai parti yang akan menang pada PRU akan datang. Perkara ini disebabkan PN menjadi pilihan kedua selepas BN. Hal ini dibuktikan dengan kejutan rekod PN menang sebanyak 7 kerusi iaitu di Parlimen Kuantan, Kuala Krau, Maran, Jerantut, Rompin, Indera Mahkota dan Temerloh. Impaknya, kemungkinan besar pertembungan dua blok antara dua parti BN dan PN akan berlaku pada PRU akan datang.



RAJAH 3: Parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat DUN (Negeri) (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2023

Akhir sekali dapat dilihat sebanyak 14 peratus responden sahaja yang menyokong bahawa PH akan menang pada PRU akan datang. Peratus ini menunjukkan bahawa PH tidak diyakini boleh mengatasi BN dan PN. PH mungkin boleh menang hanya di peringkat parlimen iaitu Bentong dan Raub. Walaupun begitu, tidak mustahil jika PH boleh menang di kawasan lain kerana apa yang diketahui sebelum ini Bentong juga dipegang oleh BN.


Menurut Encik Ahmed Wafiuddin Shamsuri (Pegawai Khas Ahli Parlimen Bentong), beliau menyatakan bahawa:

“Negeri Pahang? Hmm saya melihat kekuatan ada pada PN iaitu adanya PAS. Kalau tengok Pahang ni, berpuluh tahun kita tidak pernah tukar kerajaan negeri. BN dah lama berpuluh tahun sehingga hari ini tak ada kerajaan yang ditubuhkan selain BN. Walau bagaimanapun, kita tengok PRU yang baru ini hanya memisahkan 2 kerusi sahaja lagi untuk Kerajaan BN dijatuhkan. Kekuatan PAS dan PN itu sendiri baik tetapi tu hanya kemenangan melalui gelombang yang saya lihat. Kalau kerajaan perpaduan ni PH menyokong BN menubuh kerajaan, kita bersetuju dan bersepakat seperti Tioman punya pilihan raya kita menang. Saya yakin PH/BN boleh menang untuk PRU-16 di Negeri Pahang. Kalau kita berlawan 3 penjuru, PN/PAS akan menang”.

(Encik Ahmed Wafiuddin Shamsuri 20 Mac 2023)

#### 4.7 Pihak yang Sesuai Mewakili Kerusi Parlimen (Negara)

Rajah 4 menunjukkan 'Pihak yang sesuai mewakili kerusi parlimen (Negara)' iaitu sebanyak 64 peratus responden memilih PH sebagai parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat Negara. Hal ini dikatakan kerana PH dikatakan parti yang mencakupi semua etnik dan bangsa serta tidak menggunakan politik sempit dengan menggunakan agama dan bangsa. Tambahan pula, PH layak memerintah negara kerana dapat dilihat banyak negeri yang PH pegang lebih maju daripada negeri yang diperintah oleh parti lain. Misalnya negeri yang maju adalah Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang jauh berbeza dengan negeri lain seperti Kelantan. Kesannya, kemajuan yang diperoleh mampu membawa banyak faedah kepada rakyat dan negara dari segi sosioekonomi.



RAJAH 4: Parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat Parlimen (Negara) (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2023

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa BN mendapat peratus kedua tertinggi iaitu sebanyak 20 peratus. Hal ini dikatakan kerana BN merupakan parti yang lama dibentuk iaitu pada tahun 1973 sebagai pengganti Parti PERIKATAN. Disebabkan parti ini sudah lama, penyokong BN yakin bahawa parti ini berpengalaman dalam mentadbir negara. Dapatan kajian disokong dengan kajian Junaidi dan Mohd Fuad (2011) yang menyatakan mereka juga berpandangan kestabilan politik dan kesinambungan pembangunan negara hanya akan tercapai melalui Parti UMNO/BN yang telah sekian lama memerintah negara ini melalui pengalaman dan kepakaran serta politik permuafakatan dan tolak ansur UMNO terhadap kaum bukan Melayu di Malaysia.

Akhir sekali, 16 peratus responden memilih PN bagi pihak yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat parlimen (Negara). Ini kerana PN dikatakan sebuah parti bersih yang dipimpin oleh Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin atau lebih dikenali sebagai 'abah'. Sifat mesra rakyat, rendah diri dan banyak membantu rakyat ketika penularan COVID-19 yang melanda negara menyebabkan beliau disenangi rakyat. Beliau cakna dengan aspirasi pengundi muda yang mahukan kepimpinan berintegriti. Dengan itu, rakyat merasa beliau layak memerintah negara kerana pengorbanannya kepada rakyat dan negara.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap penglibatan dalam pilihan raya boleh dilihat dengan cara responden berpartisipasi dan turun mengundi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden banyak melibatkan diri dengan mengundi parti politik, mendengar ceramah politik dan berkempen untuk parti politik. Majoriti responden yang disoal selidik berpendapat bahawa pilihan raya penting kepada rakyat di negara ini kerana dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara. Dengan itu, pengundi harus memainkan peranan penting bagi memilih pemimpin yang bertanggungjawab demi masa depan negara. Justeru, kajian ini merupakan sebuah kajian berilmiah yang penting untuk ilmu pengetahuan, menambahkan data baru dalam politik pilihan raya, strategi pelaksanaan dasar, rujukan pengkaji akan datang serta bahan bacaan untuk masyarakat supaya mereka sedar akan kepentingan penglibatan dalam pilihan raya.

## Rujukan

- Azmah Ab. Wahab & Samsudin A. Rahim. (2013). Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pendemokrasian maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 29(1): 141-160.
- Abdullah@Kassim Mohamad, Roslan Lateh & Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. (2008). Pengaruh ceramah politik dalam kempen pilihan raya umum ke-12, 2008. *Forum Komunikasi* 7(1): 41-50.
- Astro Awani. (2020). Penjawat Awam Tidak Dibenar Memegang Sebarang Jawatan Dalam Parti Politik. *Berita Awani Online*. 3 Januari. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjawat-awam-tidak-dibenar-memegang-sebarang-jawatan-dalam-parti-politik-227091> [17 Mei 2023].
- Astro Awani. (2023). Pahang Rekod Lebih RM 21 bilion pelaburan asing. *Berita Awani Online*. 9 Mei. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pahang-rekod-lebih-rm21-bilion-pelaburan-asing-418744?amp=1> [18 Mei 2023].
- Berita Harian. (2022). Pengaruh BN di Pahang Kekal Dominan di Sebalik Kemunculan PN. *Berita Harian Online*. 8 November. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1022644/pengaruh-bn-di-pahang-kekal-dominan-di-sebalik-kemunculan-pn> [20 Mei 2023].
- Hilmy Mochtar. (2014). Public participation and political culture: a case study of voting behavior in Jombang regency. *Open Journal of Political Science* 4(4): 244-249.
- Hilal, K.K & Yıldırım, A. (2020). The development of a political awareness scale and psychometric testing on nurses in Turkey: a methodological study. *Manas Journal of Social Studies* 9(4): 2418-2429.
- Harakah. (2022). 5 Sebab Anak Muda Mesti Turun Mengundi. *Harakah Online*. 28 Oktober. <https://harakahdaily.net/index.php/2022/10/28/5-sebab-anak-muda-mesti-turun-mengundi/> [17 Mei 2023].
- John, B. (1997). Political awareness and heterogeneity in models of voting: some evidence from the British election studies. *Journal of Elections Public Opinion and Parties* 7(1): 1-22.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 28-38.

- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2015). Analisis geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur dalam pilihan raya umum 1955-2013. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 11(2): 30-42.
- Junaidi Awang Besar. (2022a). Mahu Pengundi Pilih Calon. GETARAN. <https://www.getaran.my/artikel/politik/34743/poster-tok-mat-penuhi-rembau-itu-bukti-bn-mahu-pengundi-pilih-calon>. 9 November.
- Junaidi Awang Besar & Khairunisa' Mohamad Noor. (2020). Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun: kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(3): 1-20.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2011) Pengukuhan hegemoni politik UMNO/BN melalui sokongan pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau. *Simposium Kebudayaan Indonesia – Malaysia (SKIM) XII, 2011*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. 29-30 November.
- Kausar, R. Muhammad Muzaffar & Najam, U.S. (2019). Political parties and democracy in Malaysia: a case of United Malay National Organization (UMNO). *Pakistan Languages and Humanities Review* 3(2): 1-15.
- Kumar, S.N.V. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: kemenangan BN atau kekalahan PH? *e-Bangi Journal Social Sciences and Humanities* 16(5): 1-14.
- Moamenla Amer. (2009). Political Awareness and it's on Participatory Behaviour: A Study of Naga Women Voters in Nagaland. *Indian Journal of Gender Studies* 16(3): 359-374.
- Muhammad Zaini Rizal Harris Fadilah & Novel Lyndon. (2021). *Peranan Media Sosial dalam Penyebaran Propaganda Politik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Izzatie Wahab. (2019). Gelagat politik dalam Pilihan Raya Umum ke-14, 2018: Kajian kes di kawasan DUN (N.36) Pelangai, Bentong, Pahang Darul Makmur. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Saadatun Nadiyah Mohd Ngah & Ilyas Abdullah. (2014). Election and voting behaviour of FELDA settlers in Felda Chini Pahang, Malaysia. *Global Journal of Human-Social Science* 14(1): 21-28.
- Omar Othman. (2004). Orang Asli dalam politik dan pembangunan di Pahang. Tesis Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Pauline, L. (2015). Political communication in Malaysia: A study on the use of new media in politics. *E-journal of Edemocracy* 7(1): 46-71.
- Qorri, F. (2018). The psychology behind voting behaviot in Kosovo. <https://scholarworks.rit.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=10969&context=theses> [28 November 2022].